

## Majlis Bulan Bahasa

Ucapan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah di Majlis Bulan Bahasa di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, pada hari Selasa, 4 Zulkaedah 1431 bersamaan 12 Oktober 2010.

---

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya dengan tulus ikhlas ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana dapat menyelenggarakan kembali Majlis Bulan Bahasa yang murni ini demi mendukung maksud Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang memperuntukkan dan mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara memerlukan dukungan dan penghayatan daripada semua pihak sama ada di pihak kerajaan, bukan kerajaan, swasta, institusi pengajian tinggi, pertubuhan dan persatuan dan rakyat serta penduduk di negara ini untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Penggunaan bahasa Melayu perlu digunakan secara meluas dan penuh komitmen di dalam urusan seharian pejabat-pejabat kerajaan dan swasta dan juga di dalam interaksi ahli keluarga seharian di rumah. Ini memandangkan bangsa Brunei yang merdeka, perlu mengangkat dan mendaulatkan bahasa ibundanya sendiri yang menjadi identiti dan tunggal perpaduan bangsa. Dalam waktu yang sama bahasa ibunda sesebuah bangsa adalah juga merupakan sebagai nadi dan jiwa bangsa yang akan mendaulatkan dan mengangkat martabat bangsa berkenaan di mata dunia.

Ini adalah selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti yang terkandung di dalam titah baginda semasa Istiadat Pengurniaan Bintang-Bintang Kebesaran Sempena Hari Keputeraan Baginda yang Ke-42 Tahun pada 15 Julai 1998.

"... Beta ingin meningkatkan supaya usaha-usaha ke arah mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara tidak akan diabaikan. Adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat dan penduudk di negara ini mengamalkan bahasa Melayu terutama dalam urusan-

urusan rasmi menurut peraturan yang ditetapkan termasuklah juga meningkatkan penggunaan tulisan Jawi."

Senada dengan harapan tersebut sukacita saya menyarankan beberapa strategi yang praktis:

- i. Semua lapisan masyarakat supaya lebih memahami dan mencintai bahasa Melayu serta mempelajarinya secara mendalam.
- ii. Bahasa Melayu perlu ditekankan dalam pendidikan dengan menjadikan pengajaran tata bahasa, bahasa Melayu secara terancang.
- iii. Semua pengguna bahasa Melayu hendaklah menitikberatkan penggunaan Melayu yang terkawal dan bermutu.
- iv. Warga Perkhidmatan Awam perlu memperhebat penggunaan bahasa Melayu dengan meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama yang berperanan sebagai bahasa pentadbiran di kementerian dan jabatan masing-masing, dengan yang demikian akan mempercepat pembakuan bahasa Melayu.

Perlu disedari, bahawa jika bahasa ibunda sesebuah bangsa sudah pudar dan pupus ianya juga menandakan akan lenyapnya sesuatu bangsa sebagaimana ungkapan bahasa Melayu yang berbunyi Bahasa menunjukkan bangsa, hilang bahasa hilanglah bangsa. lebih-lebih lagi di dalam konteks Negara Brunei Darussalam, bahasa Melayu adalah juga merupakan komponen utama di dalam falsafah negara Melayu Islam Beraja. Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam mengungkapkan, menerangkan dan memahamkan konsep dan idealisme falsafah MIB.

Melalui penguasaan, kefasihan dan penghayatan penggunaan bahasa Melayu di dalam kehidupan dan urusan harian membolehkan rakyat dan penduduk di negara ini memahami secara mendalam adat resam dan kebudayaan bangsa Brunei yang boleh membawa kepada pembangunan insan dan mewujudkan cara hidup yang bertatasusila, bersopan santun dan harmoni dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Yang paling menarik dan unik, bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam, di samping mempunyai keindahan yang terkandung di dalam bentuk puisi, sajak, pantun, syair, perumpamaan, bahasa kiasan dan bidalan ianya juga mempunyai bahasa dalam dan adat istiadat yang halus dan indah cara penggunaannya yang mencerminkan ketamadunan, kesopanan dan keperibadian yang murni bangsa Melayu Brunei dan juga rakyat dan penduduknya.

Bulan Bahasa merupakan antara ruang terbuka (an open platform) kepada rakyat untuk terlibat sama memperkasa kekukuhan penggunaan bahasa Melayu dalam segenap ranah kehidupan dan tugas, agar kepentingannya tetap relevan dengan keperluan komunikasi dalam semua urusan rasmi dan tidak rasmi, terutama dalam pendidikan, pentadbiran, ekonomi, sosialisasi dan lain-lain.

Justeru itu, ke arah penghayatan penggunaan bahasa Melayu di kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam khususnya golongan muda dan belia, berbagai kegiatan ke arah pendekatan penggunaan bahasa Melayu perlu diungkayahkan secara terarah dan berterusan oleh agensi-agensi kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, persatuan-persatuan bahasa dan sastera, pihak media kerajaan dan swasta, sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Pendekatan - pendekatan perlu diambil secara bersepadu dan saling berkerjasama dengan mengadakan berbagai kegiatan untuk menarik minat orang ramai yang terdiri dari kaum dewasa, belia, kaum pelajar dan kanak-kanak sekolah untuk mencintai bahasa Melayu di sepanjang Bulan Bahasa dan sepanjang tahun. Kegiatan-kegiatan tersebut meliputi yang berbentuk ilmiah dan akademik seperti bengkel, forum, seminar dan simposium bahasa Melayu dan penulisan bahasa Melayu, kewartawanan, sastera dan adat budaya Melayu Brunei dan juga termasuk peraduan bahasa dan pidato bagi segenap peringkat, malam drama dan puisi, kuiz bahasa Melayu, pertandingan berpantun dan syair yang bertujuan membarigakan dan menjadikan sambutan Bulan Bahasa lebih bergema dan bermakna pada memupuk semangat cintakan bahasa Melayu.

Sambutan Bulan Bahasa ini juga merupakan daya yang dirancang agar bahasa Melayu bersifat unggul dan dekat di hati rakyat dan penduduk di negara ini, tidak mati dimamah waktu, namun lentur mengikut edaran masa agar pendekatannya terjamin sampai bila-bila. Sikap setengah pengguna bahasa yang menganggap bahawa penggunaan bahasa Melayu yang betul dan baik itu tidak penting dan tidak relevan di dalam era infotelekomunikasi dan globalisasi wajar dikikis.

Kita perlu membina pola yang jelas agar upaya kita memperkukuhkan kelangsungan bahasa melayu mendapat perhatian di hati rakyat dan penduduk. Bahasa Melayu adalah salah satu daripada empat bahasa terpenting yang dipertuturkan di dunia. Ada terdapat sekitar 300 juta orang yang bertutur dan berkomunikasi di dalam bahasa Melayu di dunia. Ini menunjukkan akan kekuatan dan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan atau komunikasi.

Ke arah mendaulatkan bahasa Melayu kita perlu melihat kepada sejarah kegemilangan bahasa Melayu yang merupakan bahasa maju sejak abad ke-14 dan menjadi nadi utama pembinaan tamadun supraetnik di seluruh rantau ini sejak abad ke-16 dan ke-17 dan sehingga ke detik ini, dunia mengakui ilmu, bahasa ekonomi, bahasa pentadbiran dalam pelbagai bidang.

Dalam usaha untuk mendaulat dan memartabatkan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam bukanlah penghalang kepada penguasaan dan penggunaan bahasa-bahasa utama di dunia seperti bahasa Inggeris, Arab, Mandarin, Perancis dan lain-lain. Malahan generasi muda adalah dituntut untuk mempunyai daya saing dengan generasi maju dan dunia luar akan tetapi bukannya dengan mengeneipkan atau menggadaikan bahasa Melayu yang merupakan sebagai identiti bangsa Melayu Brunei.

Buat mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan dan syabas kepada Pengerusi Majlis, Ahli jawatankuasa dan mereka yang terlibat kerana berjaya menganjurkan kembali Bulan Bahasa. Tentunya majlis yang bertemakan 'Bahasa Jiwa Bangsa' ini memberi ruang dan peluang yang luas kepada semua pihak untuk menjalinkan hubungan dan rangkaian kerja yang erat dan kukuh bagi menyemarakkan lagi cinta kita akan bahasa Melayu bahasa rasmi negara di Negara Brunei Darussalam.

Sebagai penutup terimalah sebuah pantun untuk renungan bersama:

Padi jemuran penuh sedulang,

Lagu bertampi bertingkah di laman,

Bahasa warisan tinggi dijulang,

Kekal berumbi merentas zaman.